

# BULETIN ICAN

UiTM NEGERI SEMBILAN

NOVEMBER 2022



# WEBINAR 'HERO TO CEO'

FADDLIZA MOHD ZAKI, ASMAHANIM HAJI MOHAMAD YUSUF,  
DR RAJA MAYANG DELIMA MOHD BETA, AMIRAH HAJI ABU HASSAN  
& MOHD FAISAL MD. NOOR

E-Dagang atau dikenali sebagai e-Commerce merupakan pembelian dan penjualan produk secara dalam talian dan perkhidmatan yang menyokong aktiviti tersebut termasuk pemasaran, pengembangan platform penjualan dalam talian, perkhidmatan penghantaran dan banyak lagi (MDEC, 2022). Konsep e-Commerce menggunakan internet sebagai medium dalam urusan jual beli barang atau perkhidmatan antara peniaga dan pengguna (Rosfashihah & Nisrina, 2021). Perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) telah memanfaatkan dunia perniagaan di dunia termasuk Malaysia di mana penjanaan pendapatan melalui perniagaan dapat dilakukan secara atas talian.

Para pelajar UiTM Cawangan Negeri Sembilan tidak terkecuali didedahkan kepada ilmu dan kepentingan e-Commerce bukan sahaja di dalam kelas tetapi juga dengan inisiatif yang diambil oleh universiti dengan program yang memberi pendekatan kepada e-Commerce. Unit Industry, Community & Alumni Network (ICAN) dengan kerjasama Malaysia Academy of SME and Entrepreneurship Development (MASMED), UiTM Cawangan Negeri Sembilan telah berjaya menganjurkan program Webinar 'Hero to CEO' bersama jalinan kerjasama dengan syarikat I'Study iaitu sebuah syarikat konsultansi dan berpengalaman dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak.

Program yang telah dianjurkan pada 31 Januari 2022 melalui aplikasi atas talian CISCO WEBEX ini bertujuan untuk memberi penekanan tentang perniagaan e-Commerce dan m-Commerce yang sangat sesuai untuk pendedahan dan binaan pengalaman para pelajar dalam dunia perniagaan. Tambahan pula, melalui program ini, para pelajar dan bakal graduan berpeluang untuk mendapat ilmu dan bimbingan sebelum menceburkan diri dalam bidang perniagaan.


Dua (2) orang penceramah jemputan untuk program ini adalah wakil dari syarikat I'Study. Mereka merupakan Puan Nieza Khalis, Master Trainer I'Study dan Cik Ili Nabilah Norman Kamil, Leader Program Manager I'Study. Cik Ili Nabilah Norman Kamil merupakan alumni UiTM yang terlibat dalam program ini. Selain itu, program ini juga telah dirasmikan oleh Dr. Siti Sara Ibrahim, Timbalan Rektor Penyelidikan Jaringan Industri, Alumni dan Masyarakat, UiTM Cawangan Negeri Sembilan.




Poster Program Webinar 'Hero to CEO'

Kelebihan peserta yang menghadiri program ini adalah peluang untuk menyertai Program Pentaulahan Perunding Pendidikan Profesional (Certified Professional Education Consultant - CPEC) secara percuma buat peserta yang layak. Tambahan pula, peserta akan dilatih secara online untuk menguasai modul yang disediakan pihak I'Study.

Kesimpulannya, para peserta yang menyertai program ini terdedah kepada peluang perniagaan yang tersedia untuk diterokai dengan ilmu perniagaan. Selain itu, mereka dapat mengetahui cara untuk merebut peluang perniagaan dengan betul dan menjadi lebih berkeyakinan untuk meneroka bidang perniagaan. Para peserta juga menjadi lebih berani dan bersedia untuk menceburkan diri dalam bidang perniagaan sebagai salah satu peluang pekerjaan.



Jawatankuasa dan peserta bersama penceramah pertama Puan Nieza Khalid



Sesi kedua bersama Puan Ili Nabilah Norman Kamil, alumni UiTM

## Rujukan

MDEC. (2022). *Ilmu membeli dan menjual dalam talian.* <https://mdec.my/ms/digital-economy-initiatives/for-the-industry/entrepreneurs/ecommerce/>

Rosfashihah Roslan, & Nisrina Abd Ghafar. (2021). E-commerce challenges among digital entrepreneurship students, Department of Commerce. *International Journal of Entrepreneurship and Management Practices*, 4(13), 41-52. DOI: 10.35631/IJEMP.413004